



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5  
Tarikh : 10 Ogos 2023

PEKELILING AKADEMIK BIL. 24/2023

YBrs. Prof. Madya Dr. Rorlinda Yusof

Pengarah

Pusat GENIUS@Pintar Negara

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBrs. Profesor Madya Dr.,

PENGESAHAN MAKLUMAT KEPERLUAN PEPERIKSAAN AKHIR PELAJAR PROGRAM ASASI PINTAR  
SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2023/2024

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa minggu Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024 akan diadakan mulai **18 hingga 24 Disember 2023**. Pengendalian peperiksaan akhir ini mengikut panduan pengurusan peperiksaan prasiswazah yang telah diberi pengiktirafan ISO 9001:2015.

Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan urusan pengendalian Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024, Pusat ini memohon jasa baik pihak YBrs. Profesor Madya Dr. untuk mendapatkan kerjasama pensyarah-pensyarah terlibat supaya membuat pengesahan maklumat keperluan peperiksaan melalui **SMPweb** (<http://www.ukm.my/smpweb>).

3. Garis panduan untuk mengisi Maklumat Keperluan Peperiksaan adalah seperti berikut:-

- i) Urusan pengesahan Borang Maklumat Keperluan Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024 boleh dibuat mulai **18 hingga 22 September 2023**.
- ii) Penyelaras kursus diminta memasukkan maklumat keperluan peperiksaan ke dalam **SMPweb**. **Untuk makluman, jumlah soalan maksima yang dibenarkan untuk Borang OMR adalah 125 Soalan SAHAJA**.
- iii) Penyelaras kursus diminta menyelaraskan tempoh peperiksaan kepada tempoh berikut bagi memudahkan penyelarasan penjadualan peperiksaan:
  - a. 1 jam
  - b. 1 jam 30 minit
  - c. 2 jam
  - d. 2 jam 30 minit
  - e. 3 jam



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459

E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)


- iv) Pensyarah set lain atau ahli kumpulan pengajar lain boleh membuat semakan kepada borang tersebut tetapi tidak boleh membuat sebarang pindaan. Jika terdapat pindaan yang ingin dilakukan, maka pensyarah tersebut perlu memaklumkan kepada penyelarass kursus.
- v) Sekiranya nama pensyarah tidak terdapat pada set tersebut, sila maklum kepada Ketua Penolong Pendaftar/ Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar Pusat masing-masing.
- vi) Pihak Pusat juga diminta membuat pemantauan urusan pengesahan maklumat keperluan peperiksaan ini.

4. Pihak Pusat boleh menghantar emel kepada [smpweb@ptm.ukm.my](mailto:smpweb@ptm.ukm.my) atau **Cik Zaiton binti Arifin** ([ztarifin@ukm.edu.my](mailto:ztarifin@ukm.edu.my)) di Pusat Pengurusan Akademik untuk pertanyaan dan maklumat lanjut.

Kerjasama dan bantuan pihak Pusat bagi memastikan urusan peperiksaan akhir ini akan berjalan dengan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN**  
 Pengarah  
 Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Pengarah Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah Pusat Teknologi Maklumat
  - Ketua Penolong Pendaftar Pusat GENIUS@Pintar Negara



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459

E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)